

II

KEHAKIMAN

PENYUSUNAN DAN BIDANGKUASA

Negeri Perlis hanya mempunyai seorang Kadi sahaja. Kadi yang sedang bertugas sekarang ini telah bekerja semenjak tahun 1967 tanpa ada pembantunya. Hanya pada bulan Januari, 1976 barulah pihak Majlis mendapatkan seorang Penulung Kadi. Disamping itu, negeri Perlis juga hanya mempunyai satu mahkamah yang dikenali sebagai Mahkamah Kadi yang terletak di Kangar iaitu di Bangunan Jabatan Hal Ehwal Ugama Islam, Kangar. Mahkamah ini berkuasa untuk seluruh negeri Perlis didalam perkara Mal dan kesalahan Jenayah¹. Orang-orang Islam di Malaysia tertaktuk kepada undang-undang jenayah biasa, dimana sebahagian besar daripadanya terkandung didalam Kanun Keseksaan. Kesalahan-kesalahan khas berhubungan dengan orang-orang Islam boleh dibahagikan kepada enam kumpulan.

- a) Kesalahan-kesalahan mengenai perkahwinan.
- b) Perkara-perkara mengenai persetubuhan haram.
- c) Minum arak.
- d) Aspek kerohanian individu, yang juga melibatkan kehidupan masyarakat Islam.

¹Enakmen, s. 11(2).

e) Undang-undang berkaitan dengan pemelukan Ugama Islam dan anak angkat.

f) Undang-undang lain yang berkaitan dengan doktrina-doktrina Islam dan pemelukan ugama Islam.²

Oleh kerana penulung Kadi baru sahaja bertugas, maka tugasnya hanyalah mengenai perkara-perkara ringan sahaja. Penulung Kadi tidak pernah membicarakan apa-apa kes walaupun dia ada bidangkuasa untuk berbuat demikian.³ Kadi sentiasa mendapat nasihat dan tunjukajar dari pegawai-pegawai dari Biro Bantuan Guaman. Dia juga selalu mengikuti laporan-laporan perbicaraan yang dilaporkan didalam surat-surat khabar, untuk menambahkan lagi pengetahuannya didalam perkara-perkara mengenai acara mahkamah.

Sesebuah mahkamah apabila diketuai oleh seorang Kadi berkuasa:-

(a) Bagi kuasa jenayah membicarakan sebarang kesalahan dibawah undang-undang ini yang dilakukan oleh seorang yang beragama Islam;

(b) Bagi kuasa Mal, mendengardan memberi keputusan atas perbicaraan-perbicaraan diantara mereka-mereka yang beragama Islam, yang berkaitan dengan :-

²Dr. Ahmad Ibrahim, Islamic Law in Malaya, Singapore, Malaysian

Sociological Research Institute Ltd., 1965, m.s. 316.

³Enakmen, s. 11(5).

- (1) Pertunngan, pernikahan, penceraian, perkahwinan yang tidak sah atau pemisahan yang dihukum oleh mahkamah;
- (2) Penyelesaian atau tuntutan diatas harta-harta yang bersangkutan dengan mana-mana perkara yang ditentukan dalam pecahan (1);
- (3) Nafkah bagi orang-orang dalam tanggungan, anak yang halal, jagan-jagaan atau pemeliharaan kanak-kanak;
- (4) Bahagian-bahagian atau tuntutan-tuntutan harta sepen-carian;
- (5) Pembahagian-pembahagian harta orang-orang yang telah mati yang beragama Islam;
- (6) Wasiat-wasiat atau pemberian-pemberian dari orang-orang Islam pada ketika hendak mati;
- (7) Pemberian-pemberian dimasa hidup atau hebah yang diperbuat dengan tidak berkehendakkan balasan wang atau benda oleh se-orang yang beragama Islam;
- (8) Wakaf atau Nazar;
- (9) Perkara-perkara lain yang berkuasa baginya diberi oleh mana-mana undang-undang yang bertulis⁴ umpamanya Akta (menguatkuasa Nafkah) Perempuan Bersuami dan Kanak-Kanak 1968.

⁴Enakmen, s. 11(4).

Mengenai bidangkuasa, mahkamah hanya mempunyai kuasa untuk membicarakan orang-orang Islam sahaja. Untuk menentukan samada seseorang itu beragama Islam atau tidak, Kadi akan menanyanya. Jika dia memberitahu bahawa dia bukan beragama Islam, walaupun sebenarnya dia beragama Islam, maka Kadi akan membuang kesnyakerana ia tidak ada bidangkuasa mendengarnya. Pernah terjadi disatu masa dimana seorang lelaki Melayu telah ditangkap kerana bersekedudukan dengan seorang perempuan Siam yang bukan beragama Islam. Apabila dihadapkan ke mahkamah, dia mengatakan dia bukan beragama Islam. Jadi kesnya dibuang begitu sahaja oleh Kadi.⁵

Ulasan:

Nampaknya cara pihak mahkamah menentukan samada seseorang itu beragama Islam atau tidak adalah tidak memuaskan. Walaupun kepercayaan seseorang itu adalah berdasarkan daripada apa yang diucapkannya, tetapi mungkin didalam keadaan yang demikian ia hanya berdialeh sahaja untuk melepaskan dirinya. Pada hal, Perkara 160, Perlembagaan Persekutuan mengatakan bahawa "Melayu" ertinya seseorang yang menganuti ugama Islam, lazimnya bercakap bahasa Melayu, menurut adat istiadat Melayu.....

Jika seseorang Islam melakukan kesalahan dengan seorang yang bukan Islam, hanya orang Islam sahaja yang didakwa. Jika seseorang itu berumur dibawah lapan belas tahun, maka segala tindakan kesalahan jenayah keatasnya akan ditolak oleh Kadi. Pernah terjadi disatu masa dima-

⁵Butir-butir ini diberitahu oleh Kadi secara lisan.

na seorang lelaki dan seorang perempuan telah ditangkap kerana kesalahan khalwat.⁶ Oleh kerana umur mereka dibawah lapan belas tahun, jadi kes itu telah ditolak oleh Kadi kerana ia tiada bidangkuasa untuk mendengarnya.

Walau bagaimana pun, jika perkara ini berlaku didalam kes sivil, sesaorang yang sudah baligh boleh menjadi pihak menuntut dan pihak kena tuntutan. Apabila ditanya mengapa ada perbezaan mengenai bidangkuasa dari segi umur, Kadi telah menjawab bahawa disini dia melihat perkara itu dari segi praktiknya. Didalam kes jenayah, hukuman yang dijatuhkan oleh Kadi ialah samada denda atau penjara sahaja. Jadi jika sesaorang itu didapati bersalah dan dia tidak membayar dendanya, ia terpaksa dipenjarakan. Disini akan timbul masalah kerana pihak penjara hanya menerima orang-orang salah yang berumur lapan belas tahun keatasnya. Untuk mengelakkan ini, lebih baik kes-kes seperti itu ditolakan diawal-awal lagi.⁷

Ulasan: Disini Kadi patutlah menggunakan umur baligh juga dalam kes-kes jenayah. Ini kerana Kadi boleh menggunakan peruntukan dibawah Enakmen dengan memberi amaran dan membebaskan.⁸ Jadi jika sesaorang itu beru-

⁶Enakmen Pentadbiran Ugama Islam, s. 115.

⁷Temuramah dengan Kadi.

⁸Enakmen, s. 41.

umur kurang daripada lapan belas tahun tetapi sudah baligh, mahkamah boleh menjatuhkan hukuman mengikut peruntukan itu. Seseorang itu dikira dewasa didalam Islam setelah baligh, tetapi jika tiada bukti-bukti yang menunjukkan ia baligh maka ia dikira menjadi dewasa bila ia mencapai umur lapan belas tahun.

Jika seseorang itu tidak berpuas hati terhadap keputusan Kadi maka ia boleh memohon ulangbicara kepada Jawatankuasa ulangbicara,⁹ dalam perkara-perkara yang berikut:-

(a) Bagi kuasa jenayah, oleh seseorang yang didapati salah kerana melakukan sesuatu kesalahan dibawah undang-undang ini, permohonan ulangbicara itu adalah terhadap keputusan yang ianya salah atau terhadap hukumannya atau kedua-duanya sekali;

(b) Bagi kuasa Mal:-

(i) Oleh mana-mana orang yang tidak puas hati dengan keputusan atau perintah itu;

(ii) Dalam segala perkara berkenaan dengan nafkah bagi orang yang didalam tanggungan oleh seseorang yang tidak puas hati dengan keputusan itu selain daripada perkara-perkara yang telah diputuakan dengan persetujuan pihak-pihak yang berkenaan.

Jawatankuasa ulangbicara adalah berkuasa :-

(a) Bagi perkara jenayah, membatalkan keputusan yang seseorang

⁹Enakmen, s. 12.

itu salah yang dibuat oleh mahkamah atau mengurangkan mana-mana hukuman yang telah dikenakan oleh mahkamah itu ataupun diberi perintah supaya dijalankan perbicaraan semula dihadapan seorang Kadi lain;

(b) Bagi perkara Mal, mengesah atau mengubahkan keputusan atau perintah mahkamah, menjalankan kuasa-kuasa itu sebagaimana mahkamah yang berkenaan patut boleh menjalankannya ataupun memberi perintah supaya dijalankan pembicaraan semula oleh sesaorang Kadi lain.¹⁰

Sesaorang yang mahu membuat rayuan boleh meminta sebarang catatan daripada mahkamah.¹¹ Kadi hanya akan menyediakan alasan-alasan keputusannya jika ada rayuan. Rayuan boleh dibuat dalam masa empat belas hari. Selepas menjatuhkan hukuman didalam sesuatu perbicaraan, Kadi akan mengingatkan pihak-pihak berkenaan tentang hak mereka untuk membuat rayuan.

Dari tinjauan yang saya buat, rayuan hanya dibuat didalam kes-kes sivil sahaja. Tidak ada rayuan dibuat diatas keputusan kes-kes jenayah. Segala kes-kes rayuan itu telah ditolak oleh jawatankuasa ulangbicara dan keputusan Kadi disahkan.¹² Alasan yang diberi ialah mereka bersetuju dengan keputusan Kadi. Diatas sebab-sebab ini, ada satu keraguan mengenai peranan jawatankuasa ini iaitu mengenai kebolehan mereka. Sesaorang itu layak menjadi anggota Jawatankuasa Rayuan jika ia

¹⁰ Enakmen, s. 13

¹¹ Ibid., s. 14(1)

¹² Perangkaan lengkap tidak dapat diperolehi.

memenuhi syarat-syarat yang diperuntukkan.¹³ Syarat-syarat ini tidak men-
yebut kelayakan-kelayakan secara positif untuk seseorang yang boleh menja-
di anggota jawatankuasa itu. Dari tinjauan yang saya buat, beberapa orang
daripadanya terdiri dari ahli-ahli politik. Walaupun sebahagian daripada
mereka itu mungkin mahir didalam hukum-hukum syarak disegi tiorinya, te-
tapi mereka tiada pengalaman dari segi praktiknya. Oleh itu adalah dica-
dangkan bahawa ahli-ahli jawatankuasa patutlah terdiri dari orang-orang
yang berpengalaman, umpamanya bekas-bekas kadi. Seseorang yang menjadi
ahli jawatankuasa sepatutnya mempunyai kebolehan lebih daripada Kadi
dari segi tiori dan praktiknya.

Satu lagi perkara yang menjadi tandatanya ialah mengenai peruntuk-
-an yang mengatakan, "...memberi perintah supaya dijalankan pembicaraan
semula dihadapan kadi lain."¹⁴ Ini kerana di Perlis hanya terdapat se-
orang kadi sahaja. Jika jawatankuasa ulangbicara membuat keputusan sa-
perti diatas,¹⁵ bagaimanakah perkara ini akan diatasi? Satu perkara yang
mungkin dilakukan adalah dengan melantek seorang kadi lain untuk tujuan
itu sahaja buat sementara waktu. Rayuan yang tertinggi sekali, ialah
kepada Raja Pemerintah, yang ada kuasa bagi menangguh atau mengurangkan
sebarang hukuman itu.

¹³ Enakmen, Jadual Pertama.

¹⁴ Ibid., s.13(2)(b).

¹⁵ Setakat ini keputusan seperti ini belum lagi dibuat.

SUMBER UNDANG-UNDANG.

Sumber undang-undang terdiri dari:- a) Undang-undang bertulis Negeri, b) Hukum Syarak, dan c) Adat Istiadat Melayu.

Enakmen-enakmen yang dibuat di negeri-negeri di Malaysia Barat adalah mengenai pentadbiran sahaja.¹⁶ Adalah diperuntukkan bahawa pihak majlis dan Jawatankuasa Syariah didalam negeri-negeri di Malaysia Barat hendaklah mengikut pendapat mazhab Shafie. Bagi negeri Perlis, berbeza¹⁷ kerana telah diperuntukkan bahawa Jawatankuasa Syariah hendaklah mengikut Alquran dan Sunnah Rasulullah s.a.w.¹⁸ Dari apa yang saya dapati perkara ini memang dipatuhi oleh Majlis, terutamanya dari segi kehakiman. Langkah pihak Majlis berbuat demikian adalah satu langkah yang bijak dan baik. Mengikut pendapat ulama-ulama moden, Quran dan Sunnah mengandungi panduan-panduan yang lengkap didalam hidup kita sehari-hari. Jadi kita boleh tafsirkan Quran dan Sunnah mengikut keadaan sekarang dan berpandukan keadaan tempatan.

¹⁶ Ahmad Ibrahim, "Family Law in Malaysia and Singapore", Kuala Lumpur, Faculty of Law, University of Malaya, 1973, m.s.197.

¹⁷ Abdul Fajeed Mohammed Mackeen, "Contemporary Islamic Legal Organization in Malaya", Yale University Southeast Asia Studies, Monograph Series, m.s.55.

¹⁸ Enakmen, s.7(3).